

KESESATAN DAN STRATEGI MELAWAN PROPAGANDA SYIAH DI MALAYSIA

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah,
Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Teras KUIS.
Fellow Penyelidik Pusat Arahan Nadi MAIS

Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib
Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, KUIS

ABSTRAK

Kepesatan perkembangan aliran Syiah di seluruh dunia kesan daripada beberapa krisis di Timur Tengah telah mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia. Perkembangan pengaruh ajaran Syiah begitu pesat di seluruh sebenarnya bercanggah dengan ajaran Ahli Sunah Waljamaah yang diamalkan di negara ini. Perkembangan ini menjadi semakin serius apabila mereka berani dan lantang menyuarakan bantahan terhadap fatwa berkaitan pengharaman ajaran Syiah. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan kesesatan dan strategi melawan propaganda Syiah di Malaysia. Hasil kajian mendapati kesesatan Syiah meliputi penyelewengan daripada sudut akidah dan amalan. Begitu juga kertas kerja ini mendapati beberapa elemen utama propaganda Syiah dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Di samping itu kertas kerja ini menyenaraikan strategi untuk melawan propaganda Syiah dalam mempengaruhi masyarakat di Malaysia. Kertas kerja ini menyimpulkan bahawa pengharaman pergerakan Syiah di Malaysia adalah kerana doktrin atau ajarannya yang melampau dan menyebabkan terbatalnya akidah Islam. Selain itu Syiah di Malaysia bukan sahaja dilihat sebagai suatu ajaran sesat, malah ianya mengancam aspek keselamatan negara. Penyebaran Syiah ini diumpamakan seperti ‘barah’ di negara ini dan perlu dibanteras sebaik mungkin. Hal ini kerana, penyebaran doktrin Syiah ini akan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah dan keutuhan agama sekali gus memecahbelahkan perpaduan umat Islam negara ini.

Kata kunci: Syiah, Ahli Sunah Waljamaah, Kesesatan, Propaganda, Malaysia

PENDAHULUAN

Ajaran Islam berteraskan kefahaman Ahli Sunah Waljamaah telah menjadi pegangan umat Islam di Malaysia sejak sebelum zaman kemerdekaan. Justeru majoriti sarjana yang berpandangan bahawa Ahli Sunah Waljamaah merupakan aliran pertama yang menjadi pegangan penduduk Nusantara termasuk umat Islam di Malaysia sejak zaman berzaman. Masyarakat Islam yang hampir keseluruhannya yang berpegang dengan mazhab al-Syafie bukan sahaja tidak mengenali aliran lain seperti Syiah, bahkan mana-mana ajaran atau amalan agama yang dilihat bertentangan dengan tradisi yang diamalkan juga akan dianggap sebagai suatu kesalahan walaupun sesuatu amalan itu mungkin menjadi pegangan dalam kalangan mazhab-mazhab dalam Ahli Sunah Waljamaah yang lain. Namun demikian, Revolusi Iran pimpinan Khomeini yang teretus pada tahun 1979 dilihat mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia pada peringkat awal kemasukannya. Isu penubuhan negara Islam yang ideal dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh Khomeini telah mengelabui mata sebahagian umat Islam di negara ini daripada melihat latar belakang agama sebenar yang menjadi anutan Khomeini dan Iran.

Oleh sebab itu, revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Islam yang berlatar belakangkan ajaran Syiah Imamiyah *Ithna 'Ashariyyah* ini menjadi faktor utama penyebaran Ajaran Syiah dalam kalangan masyarakat Islam Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Perkembangan pengaruh ajaran Syiah begitu pesat di seluruh sebenarnya bercanggah dengan ajaran Ahli Sunah Waljamaah yang diamalkan di negara ini. Ajaran ini juga telah memberi implikasi yang buruk terhadap kesucian ajaran Ahli Sunah Waljamaah sama ada dari segi akidah, syariah, akhlak di Malaysia. Justeru itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Syiah yang mencakupi aliran Syiah Imamiyah atau Syiah Zaidiyyah adalah diharamkan pengamalannya dan tergolong dalam kategori ajaran sesat. Oleh yang demikian bagi memahami latar belakang ajaran Syiah di Malaysia, topik ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesesatan dan strategi melawan propagandanya.

PERBINCANGAN

Kesesatan Akidah

Penyelewengan akidah dalam pegangan Syiah begitu ketara sekali. Penyelewengan Syiah telah banyak dibukukan sama ada dalam kalangan Ahli Sunah waljamaah atau Syiah sendiri. Penyelewengan Syiah ini dapat dilihat dalam buku-buku masyhur yang menjadi sumber rujukan muktamad mereka seperti *Usul al-Kafi* karya Muhammad bin Yaakub al-Kulaini dan lain-lain lagi. Namun begitu, menurut Kamaluddin Nurdin (2014), terdapat ulama-ulama Syiah berbeza pandangan terhadap kitab *Usul al-Kafi* ini. Justeru itu, penyelewengan yang wujud di dalam kitab *al-Kafi* ini menyebabkan penganut Syiah terkeluar daripada akidah Ahli Sunah waljamaah. Penyelewengan tersebut ialah:

i. Menyekutukan Allah (Syirik)

Golongan Syiah menyatakan bahawa bumi dan akhirat ini adalah kepunyaan imam mereka. Imam berkuasa untuk melakukan apa sahaja bukan sahaja di bumi ini, bahkan berkuasa kepada bumi ini keseluruhannya. Dalam kitab *Usul Al-Kafi* ada menyebut (Al-Kulaini 2005):

“Daripada Abu Abdullah, bahawa dunia dan akhirat kepunyaan imam. Dia meletakkannya di mana ia kehendaki, memberikannya kepada sesiapa yang ia kehendaki, diizinkan kepadanya daripada Allah.”

Seorang ulama' Syiah, Maqbul bin Ahmad mentafsirkan ayat 69, surah al-Zumar dengan katanya: Beliau memberitahu, bahawa Jaafar al-Sadiq berkata:

“Bahawa tuhan bumi ialah imam. Ketika imam keluar, memadailah dengan cahayanya. Orang ramai tidak perlu kepada cahaya matahari dan bulan.”(al-Tunasawi 1408H).

Maqbul juga mentafsirkan ayat 65 surah al-Zumar dengan katanya: Beliau menceritakan daripada Jaafar al-Sadiq dalam *al-Kafi* bahawa:

“Demi sesungguhnya, jika kamu dan pengikut-pengikut kamu mempersekutukan (sesuatu yang lain) dalam wilayah Ali, maka akan gugurlah amalan kamu.” (al-Tunasawi 1408H).

Seterusnya Maqbul mentafsirkan ayat 66 dengan katanya:

“Hendaklah kamu sembah nabi serta taat dan hendaklah kamu mensyukurinya di mana kami jadikan saudara kamu dan anak bapa saudara kamu satu kekuatan yang membantu kamu.” (al-Tunasawi 1408H).

Daripada Abu Abdullah (Jaafar al-Sadiq) bahawa Amirul Mukminin Sayidina Ali banyak kali berkata:

“Aku adalah pengatur Allah yang indah antara syurga dan neraka. Sesungguhnya aku dikurniakan beberapa keistimewaan yang tidak diberikan kepada sesiapa pun sebelum ku. Aku mengetahui tentang takdir, bala bencana, nasab keturunan dan tafsiran ayat al-Quran. Tiada satu pun yang tertinggal segala perkara yang telah berlaku. Tidak akan terlepas daripadaku segala perkara yang ghaib. Kami adalah wajah Allah dan kami adalah mata Allah pada Hambanya. Para imam boleh menghalalkan dan mengharamkan apa-apa yang mereka kehendaki. Mereka tidak mengkehendaki melainkan apa-apa yang dikehendaki oleh Allah.” (al-Kulaini 2005).

Syiah secara jelas dan terang-terangan menisbahkan sifat Allah SWT yang hanya ada pada Allah kepada manusia iaitu kepada para imam mereka sehinggakan segala ilmu yang ada pada Allah, juga ada pada para imam.

ii. Al-Bada’

Al-bada’ ialah mengetahui sesuatu setelah selama ini tidak mengetahuinya atau timbulnya pendapat baru yang tidak pernah terlintas sebelumnya. Berdasarkan kedua-dua makna ini menunjukkan Allah sebelumnya jahil dan baru mengetahui dan ini adalah mustahil bagi Allah kerana ilmu Allah adalah azali dan selama-lamanya. Syiah beriktikad bahawa Allah bersifat dengan sifat *al-Bada’* sepertimana yang telah dinyatakan dalam beberapa kenyataan daripada sumber-sumber rujukan mereka. Al-Kulaini dalam kitab Usul al-Kafi, melalui satu bab lengkap tentang akidah *al-bada’* memuatkan banyak riwayat mengenai *al-bada’*, antaranya seperti berikut:

“Daripada Ibnu Abu Umair, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Abdullah: Tiada yang mengagungkan Allah umpama *al-bada’*.” (al-Kulaini 2005).

Al-Kulaini (2005) menukilkan juga bahawa sifat *al-bada’* bagi Allah ada pada Abu Muhammad selepas Abu Jaafar:

“Apa yang Dia tidak mengetahui baginya. Sebagaimana sifat *al-bada’* bagi Allah ada pada Musa al-Kazim selepas matinya Ismail. Allah tidak tahu tentang keadaan sebenarnya, sebagaimana aku ceritakan kepada kamu tentang diri kamu, sekalipun tidak disukai oleh golongan yang binasa. Abu Muhammad adalah imam selepas Abu Jaafar. Dia mempunyai ilmu apa yang diperlukannya dan bersamanya ada sifat *Imamah*.”

Melalui dakwaan ini, Syiah telah menisbahkan Allah dengan sifat yang mustahil bagiNya. Mendakwa Allah tidak tahu tentang perkara yang sedang berlaku dan apa yang akan berlaku selepas itu. Apabila telah berlaku sesuatu perkara dan Allah mengetahuinya, maka Allah mengubah semula pendapat sebelumnya, lalu timbullah pendapat baru berdasarkan kepada suasana dan keadaan yang baru.

iii. Konsep *Al-Imamah (Al-Wasi)*

Al-Imamah merupakan suatu pegangan yang telah menjadi salah satu iktikad penting golongan Syiah. Mereka mendakwa bahawa hak memerintah setelah Nabi Muhammad SAW ialah milik Sayidina Ali dan keturunannya daripada zuriat Sayidatina Fatimah al-Zahra'. Ia merupakan salah satu daripada rukun iman yang penting sehingga iman seseorang dianggap tidak sah melainkan setelah menerima konsep *al-Imamah* ini. Perkara ini merupakan perbezaan terbesar di antara golongan Ahli Sunah Waljamaah dengan Syiah. Ini kerana *Imamah* di sisi Ahli Sunah Waljamaah berdasarkan persetujuan (*al-ittifaq*) dan pemilihan (*al-ikhtiyar*) daripada umat Islam. Al-Kulaini (2005) menyatakan dalam membezakan antara rasul, nabi dan imam, mereka mengatakan bahawa perbezaan di antara rasul, nabi dan imam adalah rasul merupakan seorang yang bertemu dengan Jibril dan mereka melihat dan mendengar suara Jibril dan wahyu turun kepadanya dan kadang-kadang mereka melihat Jibril di dalam mimpi mereka seperti yang dialami oleh Nabi Ibrahim. Manakala nabi kadang-kadang mendengar suara Jibril dan kadang-kadang melihatnya tanpa mendengar suara. Imam pula adalah orang yang mendengar suara Jibril sedangkan mereka tidak melihat Jibril.

Ini menunjukkan bahawa taraf imam pada golongan Syiah ialah setaraf dengan para rasul dan nabi kerana mereka mendakwa bahawa para imam juga menerima wahyu. Hanya perbezaannya ialah imam tidak dapat melihat Jibril seperti para rasul dan nabi. Golongan ini juga mendakwa bahawa beriman kepada konsep *Imamah* adalah sebahagian daripada keimanan seperti kenyataan di bawah:

“Apakah maksud mengenal Allah? Membenarkan Allah ‘azza wajalla, membenarkan RasulNya dan membenarkan kepimpinan Ali dan mengakui keimanannya dan imam-imam yang mendapat petunjuk a.s dan berlepas diri kepada Allah daripada musuh-musuh mereka. Inilah yang dinamakan sebagai mengenal Allah.” (al-Kulaini 2005).

Perkara di atas jelas bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang beriman dengan rukun iman yang enam tanpa memasukkankan keimanan kepada Sayidina Ali dan imam-imam yang lain.

iv. Konsep *Al-'Ismah*

Golongan Syiah mendakwa bahawa para imam mereka daripada Sayidina Ali sehingga imam-imam yang dilantik selepas kematian beliau bersifat *maksum* daripada dosa-dosa kecil dan dosa-dosa besar seperti para nabi dan rasul. Al-Kulaini menukulkan bahawa Imam Jaafar al-Sadiq berkata:

“Kami adalah khazanah ilmu Allah, kami adalah penterjemah urusan Allah, kami adalah golongan yang maksum. Allah memerintahkan agar kami ditaati dan kami tidak boleh diingkari. Kami adalah hujah Allah yang fasih berkata-kata kepada sesiapa yang berada di bawah langit dan di atas bumi.” (al-Kulaini 2005).

Al-Kulaini menceritakan lagi bahawa dia mendengar Abu Abdullah berkata:

“Para imam mempunyai kedudukan yang setaraf dengan Rasulullah SAW, hanya sahaja para imam bukanlah rasul Allah. Wanita tidak dihalalkan kepada para imam sebagaimana yang dihalalkan kepada baginda. Selain perkara itu, mereka setaraf dengan Rasulullah SAW.” (al-Kulaini 2005).

Daripada Abu al-Sobbah, bahawa dia mendengar Abu Abdullah berkata:

“Aku bersaksi bahawa Ali adalah imam yang wajib ditaati. Hasan adalah imam yang wajib ditaati. Husain adalah imam yang wajib ditaati. Ali bin Husain adalah imam yang wajib ditaati. Muhammad bin Ali adalah imam yang wajib ditaati.” (al-Kulaini 2005).

Imam al-Razi menyebut bahawa, golongan Syiah mendakwa para imam mereka bersifat *maksum* berdasarkan kepada ayat 124 dalam surah al-Baqarah yang menyatakan bahawa orang zalim tidak akan menjadi imam. Berdasarkan ayat tersebut, sesiapa yang melakukan dosa sama ada zahir mahupun batin, tidak layak untuk menjadi imam.

v. **Teori Al-Raj'ah**

Golongan Syiah iaitu Syiah Imamah Ithna 'Asharah berpendapat bahawa Allah akan mengembalikan Nabi Muhammad SAW, Sayidina Ali, al-Hasan, al-Husain dan beberapa imam mereka yang lain dan musuh-musuh mereka seperti Sayidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Mu'awiyah dan Yazid ke dunia setelah kedatangan al-Mahdi. Mereka akan menuntut keadilan terhadap perampasan jawatan *Imamah* yang sepatutnya diberikan kepada ahl al-bayt Rasulullah SAW. Bahkan, al-Murtada telah berkata bahawa Sayidina Abu Bakar dan Umar akan disalib pada zaman pemerintahan al-Mahdi (Ahmad Amin 1997). Syeikh Abbas al-Qommi menyebutkan bahawa al-Sadiq berkata:

“Tidak termasuk golongan kami sesiapa yang tidak beriman dengan akidah al-raj'ah kami dan tidak mengakui halalnya mutaah.” (al-Qommi 2011).

Al-Baqir al-Majlisi menukilkan, diriwayatkan oleh Ibnu Babuweihi dalam kitab '*ilal al-Syarai*', daripada Imam Muhammad al-Baqir bahawa apabila munculnya Mahdi, dia akan menghidupkan Aisyah dan Mahdi akan melaksanakan hudud kepadanya (al-Majlisi). Pendapat mereka ini bercanggah dengan nas al-Quran dan al-hadith. Mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah, setiap yang telah mati tidak akan kembali lagi ke dunia ini sehinggalah berlaku kiamat berdasarkan maksud firman Allah SWT (Surah Yasin: 31):

“Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Umat-umat yang telah binasa itu tidak kembali lagi kepada mereka (bahkan kembali kepada kami untuk menerima balasan).”

vi. **Al-Quran telah diubah**

Syiah tidak mempercayai al-Quran yang berada di tangan umat Islam dengan beberapa sebab. Antaranya ialah menurut akidah Syiah, para sahabat Rasulullah semuanya adalah pendusta dan pembohong. Apabila para sahabat baginda dianggap sebagai pendusta dan pembohong, terdapat persoalan bagaimana golongan ini boleh menerima al-Quran yang diriwayatkan oleh para sahabat tersebut. Terdapat riwayat sahih menurut Syiah yang tercatat dalam kitab-kitab muktamad mereka yang telah menjangkau lebih 1,000 riwayat yang secara jelas menyatakan bahawa al-Quran yang ada pada hari ini telah diubah dan ditukar, sama ada dikurangkan ayatnya atau ditambah.

Jumhur perawi hadith Syiah beriktikad bahawa ayat-ayat al-Quran telah diubah sebagaimana yang disebutkan oleh al-Husain bin Muhammad Taqiyy Nuri al-Tobarsi dalam kitabnya *Fasl al-Khitab*. Beliau berkata bahawa Amirul Mukminin mempunyai sebuah al-Quran khusus yang dihipunnya sendiri selepas kewafatan Rasulullah SAW Al-Quran itu ditunjukkan kepada satu kaum, tetapi mereka memalingkan diri daripadanya. Amirul Mukminin pun menyembunyikannya daripada penglihatan mereka. Al-Quran itu kemudian diwariskan kepada anak-anaknya, daripada seorang imam kepada imam seterusnya. Dan khazanah kenabian iaitu milik Imam Mahdi, semoga Allah menyegerakan kemunculannya. Imam Mahdi akan menzahirkannya kepada orang ramai selepas kemunculannya dan dia memerintahkan mereka membacanya. Al-Quran itu berbeza dengan al-Quran yang ada ini dari segi karangan dan susunan surah-surah serta ayat-ayatnya, bahkan kalimah-kalimahnyanya juga daripada segi penambahan dan pengurangan. Kebenaran adalah bersama Ali dan Ali bersama kebenaran. Dalam al-Quran yang ada ini terdapat perubahan pada dua sudut iaitulah yang dikehendaki (al-Tobarsi t.th.).

Al-Husain al-Tobarsi berkata lagi, diriwayatkan daripada kebanyakan ulama Syiah terdahulu bahawa al-Quran yang ada pada hari ini bukannya seperti yang diturunkan Allah kepada Muhammad, kerana telah diubah, ditukar, ditambah dan dikurangkan (al-Tobarsi t.t.). Manakala al-Mulla Hassan menukikan daripada Abu Jaafar bahawa banyak ayat yang telah dibuang daripada ayat al-Quran, tidak ada penambahan kecuali satu huruf (al-Mulla Hasan). Al-Kulaini pula menyatakan daripada Abu Abdullah bahawa al-Quran yang dibawa oleh Jibril kepada Muhammad adalah sebanyak 17,000 ayat (Al-Kulaini 2005). Sedangkan ayat al-Quran yang ada sekarang berjumlah 6,666 ayat. Ini bermakna hampir dua pertiga daripada isi kandungan al-Quran telah dibuang menurut kepercayaan mereka.

Terdapat dua pandangan ulama Syiah tentang adanya penyelewengan dan perubahan isi kandungan al-Quran, baik penambahan ataupun pengurangan jumlah ayat, ianya seperti berikut:

a) **Pendapat tidak ada penyelewengan al-Quran**

Ulama' Syiah berbeza pendapat tentang adanya penyelewengan dan perubahan isi kandungan al-Quran, baik penambahan ataupun pengurangan jumlah ayatnya. Seorang intelektual kontemporari Syiah al-Sayyid Ali al-Husaini al-Milani mengarang sebuah kitab yang berjudul 'عدم تحريف القرآن' yang bererti; 'Tidak ada penyelewengan al-Quran'. Beliau menegaskan bahawa sebahagian ulama' Syiah (minoriti) baik yang dahulu ataupun kontemporari bercanggah dengan keyakinan bahawa al-Quran Ahli Sunah Waljamaah itu tidak original. Dalam erti yang lain, mereka mengakui bahawa mushaf Uthmani tidak ada penyimpangan dan penyelewengan dalam isi kandungannya. Ulama' tersebut ialah Syeikh al-Suduq, al-Sharif al-Murtada, Syeikh al-Tusi, Imam al-Tabarsi, Sayyid Muhsin al-Amin, Syeikh Kasyif al-Ghita`, Imam al-Khu`i, al-Sayyid Husain Makki, al-Sayyid Muhammad Husain al-Tabtaba`i dan Syeikh Muhammad Jawad Mughniyah. Seorang lagi ulama' Syiah al-Sayyid Murtada al-Ridawi menyebutkan dengan jelas dalam kitabnya '*al-Burhan 'Ala 'Adami Tahrif al-Quran*' bahawa pandangan majoriti ulama' Syiah Imamah tiada penyelewengan dalam al-Quran. Ini bermakna al-Quran mushaf Uthmani diterima dalam golongan Syiah.

Ahli Sunah Waljamaah menilai bahawa pengakuan sebahagian ulama' Syiah terhadap mushaf Uthmani bermotifkan 'Taqiyyah', alias bukan sikap hakiki mereka. Sikap ini mereka ambil hanya untuk meredakan pertikaian antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Dr. Musa al-Musawi di dalam '*al-Syiah wa al-Tashih*' menyebut: "sebaiknya usaha dari pihak Syiah kita tangani secara positif atau dengan kata lain bersifat baik sangka iaitu '*husnu al-zan*' terhadap mereka. Ertinya, kita respons dengan baik pandangan golongan minoriti ulama' Syiah Imamah di atas. Alangkah baiknya kalau kita mencari persamaan dan memperkecilkan ruang perbezaan. Tambahan pula,

sekarang ini terbukti bahawa al-Quran yang dibaca oleh Syiah memang al-Quran yang sama dibaca oleh Ahli Sunah Waljamaah”. Dalam hal ini, telah ditegaskan sendiri oleh Syeikh Abdullah Darraz dalam disertasinya (*Madkhal al-Quran al-Karim*): “Sesungguhnya mushaf Uthmani adalah merupakan satu-satunya mushaf yang beredar di dunia Islam, bahkan mushaf tersebut yang dimiliki oleh golongan-golongan Syiah semenjak 13 abad yang lampau”.

b) Terdapat penyelewengan di dalam al-Quran

Dalam konteks yang lain, Dr. Musa al-Musawi (seorang intelektual Syiah kontemporari) berusaha menyempitkan perbezaan antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah dalam masalah ini. Beliau menegaskan bahawa sebenarnya yang berpendapat adanya ‘tahrif’ atau penyelewengan dalam mushaf Uthmani adalah hanya daripada golongan minoriti Syiah dan bukannya majoriti. Namun, kenyataan ini dengan sendirinya tenggelam dengan realiti dan bukti yang nyata kerana terdapatnya majoriti ulama Syiah meyakini adanya tahrif. Bahkan, beliau sendiri meyakinkan kita bahawa Imam al-Khu’i dalam kitab tafsirnya, ‘*al-Bayan*’ telah menafikan sendiri unsur ‘tahrif’ yang ditujukan pada mushaf Uthmani oleh ulama-ulama Syiah lain dan yang berpendapat sedemikian sebenarnya hanyalah orang-orang yang lemah akal fikirannya.

Daripada pembacaan dan pengamatan penulis selama mengkaji Syiah, ada sebahagian besar ulama Syiah secara nyata menuduh bahawa al-Quran Ahli Sunah Waljamaah tidak lengkap dan palsu sehingga penulis dapat menegaskan bahawa sebenarnya majoriti ulama Syiah tetap tidak mengakui mushaf Uthmani. Untuk melihat sejauh mana pandangan ulama Syiah terhadap al-Quran mushaf Uthmani dan unsur penyimpangan di dalamnya, ada baiknya kalau penulis sebutkan satu persatu ulama-ulama Syiah yang berpendapat demikian.

Di sini penulis menyebutkan nama-nama ulama tersebut satu-persatu; Ali bin Ibrahim al-Qummi di dalam ‘*Tafsir al-Qummi*’ (1/36), Ni^cmatullah al-Jazairi di dalam ‘*al-Anwar al-Nu^cmaniyyah*’ (2/357-358), al-Fayd al-Kashani di dalam ‘*Tafsir al-Safi*’ (1/13), Abu al-Hasan al-^cAmili di dalam ‘*Tafsir Mirat al-Anwar wa Mishkat al-Asrar*’ (36), Sultan Muhammad Haidar al-Khurasani di dalam ‘*Tafsir Bayan al-Saadah fi Maqamat al-Ibadah*’ (19-20), Muhammad bin Ya^ckub al-Kulaini di dalam ‘*Usul al-Kafi*’ (1/284-285, 1/295, 1/492, 2/597), Muhammad Baqir al-Majlisi di dalam ‘*Bihar al-Anwar*’ (89/66), Shaikh al-Mufid di dalam ‘*Awail al-Maqalat*’ (48-49), Mirza Habibullah al-Hashimi al-Khu’i di dalam ‘*Minhaj al-Bara^cah fi Sharah Nahjil Balaghah*’ (214-219), Mitham al-Bahrani di dalam ‘*Muqaddimah Sharah Nahj al-Balaghah*’, Muhammad bin Mas^cud al-Iyashi di dalam ‘*Tafsir al-Iyashi*’ (1/25), Abu Ja^cfar al-Saffar di dalam ‘*Bashair al-Darajat*’ (213), Sayyid Adnan al-Bahrani di dalam ‘*Mashariq al-Shumus al-Darih*’ (126), Yusuf al-Bahrani di dalam ‘*al-Durar al-Najfih*’ (298), al-Nuri al-Tabrasi di dalam ‘*Muqaddimah Fasl al-Kitab*’ (25-26, 35, 357), Mulla Muhammad Taqi al-Kashani di dalam ‘*Hidayah al-Talibin*’ (368), Agha Barzak al-Tahrani di dalam ‘*Nuqaba^c al-Bashar*’ ketika menulis biografi Imam al-Nuri al-Tabrizi, Al-Ardabili di dalam ‘*Hadiqat al-Syi^cah*’ (118-119), Karim al-Karamani di dalam ‘*Irshad al-^cAwam*’ (3/221) dan Daldar di dalam ‘*Istiqsha al-Afham*’ (1/11).

Berdasarkan nama-nama ulama Syiah di atas beserta kitab-kitab mereka, semuanya menyatakan bahawa terdapat unsur pengurangan di dalam mushaf Uthmani sehinggakan pihak Ahli Sunah Waljamaah menilai bahawa masalah ‘tahrif’ adalah merupakan pandangan majoriti golongan Syiah Imamah seperti yang ditegaskan oleh Syeikh al-Dhahabi di dalam bukunya, ‘*al-Ittijahat al-Munharifah fi Tafsir al-Quran*’.

vii. Menghina Rasulullah SAW dan Para Sahabat

Al-Majlisi menyebutkan, al-Nu^cmani meriwayatkan daripada Imam Muhammad al-Baqir bahawa dia berkata:

“Apabila Imam Mahdi muncul, dia akan diakui oleh malaikat. Orang pertama yang akan membai’ahnya ialah Muhammad SAW, kemudian Ali.”

Syeikh al-Tusi dan al-Nu’mani meriwayatkan daripada Imam al-Redha katanya:

“Antara tanda Imam Mahdi ialah dia akan muncul dalam keadaan telanjang di hadapan bulatan matahari (al-Majlisi 1403).”

Ini adalah satu penghinaan kepada Rasulullah SAW dan Sayidina Ali apabila mereka mengatakan bahawa keduanya akan membai’ah Imam Mahdi di akhir zaman nanti. Golongan Syiah juga mengada-ngadakan cerita bahawa Imam Mahdi akan muncul dalam keadaan telanjang. Golongan Syiah juga mengadakan pendustaan kepada baginda SAW dengan menisbahkan kata-kata baginda SAW dengan katanya:

“Sesiapa yang bermutaah sekali, darjatnya seperti darjat Husain. Sesiapa yang bermutaah dua kali, darjatnya seperti darjat Hasan. Sesiapa yang bermutaah tiga kali, darjatnya seperti darjat Ali bin Abu Talib. Sesiapa yang bermutaah empat kali, darjatnya seperti darjat aku (al-Kasyani 1407H).”

Apakah dengan hanya bermutaah yang dianjurkan oleh golongan Syiah akan menaikkan martabat seseorang? Mana mungkin umat akhir zaman ini mampu menyamai darjat para sahabat apatah lagi menyamai darjat baginda SAW Inilah dakwaan palsu bagi menghalalkan nikah mutaah yang telah diharamkan oleh baginda SAW sendiri. Al-Allamah Muhammad al-Baqir al-Majlisi berkata:

“Akidah kami ialah berlepas diri. Kami berlepas diri daripada berhala yang empat, iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu’awiyah dan empat orang wanita iaitu Aisyah, Hafsa, Hindun dan Ummu al-Hakam dan daripada semua pengikut dan orang yang patuh. Mereka adalah makhluk Allah yang jahat di atas muka bumi. Tidak sempurna keimanan dengan Allah, Rasul-Nya dan para imam melainkan selepas berlepas diri daripada para musuh mereka.” (al-Kasyani 1407H).

Syeikh Syiah Maqbul Ahmad berkata bahawa pemimpin wanita kepada tentera Basrah dalam Perang Jamal, iaitu Aisyah sebenarnya telah melakukan satu keburukan yang nyata (Maqbul Ahmad). Penghinaan ini bukan hanya kepada para sahabat baginda SAW, bahkan turut menimpa isteri baginda SAW Bahkan mereka dianggap sebagai makhluk yang jahat di atas muka bumi ini dan menjadi syarat kesempurnaan iman dengan berlepas daripada mereka.

vii. Al-Taqiyyah

Al-taqiyyah ialah menyembunyikan amalan sebenar atau dengan maksud yang lain ialah menipu. Dalam pegangan golongan Syiah, *al-taqiyyah* ini adalah sebahagian daripada agama dan tidak dianggap beriman seseorang itu jika tidak mengamalkan *al-taqiyyah*. Al-Kulaini menukilkan daripada Abu Umair al-A’jami. Abu Abdullah berkata kepadaku: Wahai Abu Umair, bahawa sembilan persepuluh agama berada dalam amalan taqiyyah. Tidak beragama bagi orang yang tidak mengamalkan taqiyyah. Taqiyyah pada segala amalan kecuali pada air perahan dan menyapu pada dua sarung kaki kulit (al-Kulaini 2005). Al-Kulaini (2005) menceritakan juga bahawa Abu Jaafar berkata:

“Amalan *bertaqiyyah* adalah sebahagian daripada agamaku dan agama nenek moyangku. Tidak beriman orang yang tidak mengamalkan sikap *bertaqiyyah* pada dirinya.”

Al-Kulaini menyebutkan bahawa Abu Abdullah berkata ketika mentafsirkan ayat 34 surah al-Fussilat dengan tafsirannya bahawa:

“Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara sebaik-baik *taqiyyah*” (al-Kulaini).”

Al-Kulaini menukulkan daripada Sulaiman Khalid, Abu Abdullah berkata:

“Kamu semua mengikut satu agama di mana sesiapa yang menyembunyikan ajaran agama akan dimuliakan Allah dan sesiapa yang menyebarkan ajaran agama akan dihina oleh Allah (al-Kulaini 2005).”

Kesesatan dalam Amalan Syiah

Sedangkan terdapat sejumlah perbezaan di antara amalan Syiah dengan Ahli Sunah Waljamaah yang signifikan dalam hal yang berkaitan. Penyelewengan dalam amalan Syiah adalah seperti berikut:

i. Nikah Mutaah

Nikah Mutaah adalah pernikahan yang meletakkan tempoh tertentu di dalam akad. Nikah kontrak yang bersifat sementara ini menisbahkan kepada hadis dengan menyamai darjat Husain, Hasan, Ali bin Abu Talib dan baginda SAW sendiri. Terdapat lima rukun akad Mutaah seperti suami, isteri, mahar, tempoh waktu dan lafaz akad ijab qabul. Bilangan isteri dalam nikah Mutaah tidak terbatas. Suami tidak wajib memberi nafkah, tempat tinggal dan pakaian. Kedua-dua suami isteri tidak dapat saling mewarisi harta masing-masing. Selain itu Mutaah merupakan amalan beragama dan mengingkarinya bererti dia kafir dan murtad (al-Kashani 2000). Disamping itu Mutaah merupakan sebahagian kesempurnaan iman dalam Syiah (al-Qommi 2011).

ii. Amalan-amalan pada 10 Muharram

Ratapan terhadap kematian Sayidina Husain berlaku pada 10 hari terawal bulan Muharram dan kemuncaknya ialah pada 10 Muharram. Golongan Syiah akan berdemonstrasi di jalan bagi mengingati syahid Sayidina Husain dan menganggap perbuatan tersebut bertujuan mendekatkan diri kepada Allah. Mereka akan memukul pipi, dada, belakang badan dengan tangan mereka, mengoyakkan leher baju dalam keadaan menangis, meratap dan menjerit dengan jeritan ‘Wahai Husain! Wahai Husain!’ (al-Qommi 2011).

iii. Harus meliwat perempuan

Syiah juga berpendapat bahawa dibolehkan seorang lelaki menyetubuhi perempuan pada duburnya jika perempuan itu redha. Amalan ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: Isteri kamu umpama tanah tempat bercucuk tanam bagi kamu. Maka datangilah tanah tempat kamu bercucuk tanam itu dari arah mana yang kamu sukai. Ini bermakna menyetubuhi isteri melalui dubur merupakan hak milik suami sepenuhnya (al-Tusi 1407H).

iv. Solat Syiah

Menurut Abu Dzar bin Latip waktu solat dalam mazhab Syiah daripada sudut waktu adalah berbeza dengan Ahli Sunah Waljamaah. Ini dapat diperhatikan dalam penentuan waktu Fajar Sadiq yang menandakan masuk waktu subuh di kawasan yang sewaktu dengannya. Fajar Sadiq bagi Syiah di Malaysia adalah berlainan dengan Ahli Sunah Waljamaah yang bermazhab Syafie di Malaysia. Bagi Syiah di Malaysia, azan yang berkumandang menurut Ahli Sunah Waljamaah itu bukanlahlah waktu subuh yang sebenar. Waktu subuh yang sebenar menurut perkiraan Syiah di Malaysia ini adalah 15 minit selepas berkumandangnya azan di satu-satu kawasan. Mereka berpendapat bahawa di Malaysia, mereka melaungkan azan adalah pada ketika waktu fajar Kazib dan bukan fajar Sadiq (Mohd Haidhar 2011).

Selain itu hukum harus untuk menjamakkan waktu zohor dan asar serta waktu maghrib dengan isyak di dalam musafir ataupun hadir tanpa sebab (Lutpi Ibrahim 1993). Waktu zohor pula adalah ketika gelincir matahari. Ini tidak berbeza dengan mazhab Syafie di Malaysia. Manakala waktu solat asar adalah empat rakaat setelah waktu zohor. Masuk waktu maghrib adalah ketika hilang cahaya kemerahan di kaki langit sehingga langit kelihatan gelap sepenuhnya. Bagi Mazhab Syafie, apabila hilang cahaya kemerahan ini sepenuhnya, itu menandakan waktu isyak sudah masuk. Bagi solat isyak pula ianya bermula setelah 3 rakaat waktu maghrib. Perkara ini dilakukan pada setiap waktu dalam semua keadaan tanpa memerlukan sebab seperti musafir atau dalam keadaan hujan (Harian Metro 2010).

Di samping itu keperluan sujud di atas tanah, batu atau sesuatu hasil daripada tanah yang tidak dijadikan makanan dan pakaian. Ianya cukup sekadar meletakkan dahi sahaja, tetapi lebih baik jika dapat meletakkan dahi berserta hidung. Jika bersujud dengan dahi di atas sesuatu yang boleh dibuat pakaian atau makanan maka ianya tidak sah. Dengan ini, jika bersujud di atas karpet atau sesuatu yang berupa kain yang boleh dibuat pakaian, maka tidak sah solat. Bagi Syiah, sujud yang paling afdhal adalah bersujud di atas tanah Karbala' seperti *turbah* iaitu tanah tempat wafatnya Sayidina Hussain RA. Oleh yang demikian sujud itu akan terpancar cahayanya sehingga ke langit. Makhhluk yang menyaksikannya adalah para Malaikat dan wali-wali Allah yang menjadi saksi (Mohd Haidhar 2011).

Menurut al-Khomeini (1998) bahawa Syiah tidak wajib melaksanakan solat Jumaat kerana mengikut keyakinan terhadap solat jumaat belum wajib sebelum datang Imam yang ke 12 iaitu al *Mahdi al Muntazar*. Oleh kerana itu solat jumaat hukumnya *ikhtiari* iaitu pilihan seseorang penganut Syiah boleh memilih antara solat zohor atau Jumaat. Melaksanakan solat Jumaat lebih baik namun lebih utama untuk menunaikan solat zohor selepas menunaikan solat Jumaat. Menurut al-Salus (2003) meskipun mendirikan solat Jumaat bersama jamaah, mereka akan terus berdiri setelah imam mengucapkan salam. Orang-orang akan menyangka mereka mengerjakan solat sunat, padahal mereka menyempurnakan solat zohor empat rakaat, kerana pengikut Syiah tidak meyakini kesahihan solat Jumaat kecuali bersama Imam yang maksum atau wakilnya.

v. Puasa Syiah

Pada bulan Ramadan penganut Syiah tidak berbuka puasa setelah azan maghrib. Dalam hal ini Syiah berkeyakinan seperti Yahudi iaitu berbuka puasa apabila hilangnya awan merah dan bintang-bintang sudah kelihatan di langit. Dianjurkan juga untuk mendahulukan solat maghrib daripada berbuka. Dengan kata lain mereka berbuka apabila benar-benar sudah masuk waktu malam. Mereka juga tidak solat terawih bersama kaum Muslimin, kerana menganggapnya sebagai bid'ah (Hurr Amili, 1409H).

vi. Ganjaran Syurga bagi Mereka yang Menziarahi Kubur Sayidina Hussain

Bagi fahaman Syiah menganggap bahawa menziarahi kubur Sayidina Hussain akan dijanjikan syurga padanya. Ini bermaksud bahawa tidak menjadi kesalahan jika tidak melaksanakan perkara ibadah khusus yang lain seperti solat puasa, zakat dan lain-lain (al-Mufid 1993). Syiah juga berpegang kepada hari Perayaan Imam Husain yang melebihi martabat Sayidina Husain dan Sayidina Ali berbanding Nabi Muhammad SAW (Harian Metro 2010). Menurut Abu Dzar bin Latip dalam masalah mendapat ganjaran syurga bagi mereka yang menziarahi kubur Sayidina Hussain ini adalah kembali kepada konsep *tawalla* dan *tabarra* (Mohd Haidhar 2011). Pendapat ini merujuk kembali kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "ulil-amri" (orang-orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunah) Rasulnya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya” (Surah al-Imran: 59).

Propaganda Syiah

i. Cinta Ahlul Bait

Apabila Syiah mula bertapak di Alam Melayu, maka terdapat budaya Syiah yang masuk ke dalam masyarakat Islam Alam Melayu dan ia dapat dikesan menerusi beberapa aspek iaitu penghormatan terhadap Ahlul Bait. Syiah mengatakan bahawa Ahlul Bait lebih layak untuk memegang jawatan khalifah dan kekhalifahan selain daripada mereka adalah terbatal (Ghalib ‘Awaji 2001). Syiah mendakwa bahawasanya terdapat penyelewengan sejarah di dalam topik Ali Bait. Bahkan ajaran Syiah meyakini bahawa Imam-imam mereka adalah maksum iaitu terpelihara daripada sebarang dosa. Malah penyanjungan yang keterlaluan kepada Sayidina Ali sehingga disamatarafkan dengan Rasulullah SAW dan menambah nama Sayidina Ali dalam kalimah syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW. Antara isu-isu yang digunakan untuk mempropagandakan ajaran Syiah ialah biasanya mereka akan menyebut kelebihan dan kebaikan yang terdapat pada Ahlul al-Bait untuk mencetuskan perasaan kasih dan sayang terhadap baginda dan keluarga dalam kalangan para pendengar. Ayat al-Quran dan hadith tentang kelebihan mereka diulang-ulang bagi memancing perhatian dan menyebarkan idea tentang keperluan mencintai ahli keluarga Nabi. Ini diikuti dengan cerita penganiayaan dan kisah sedih yang berlaku terhadap anak-anak Sayidina Ali bagi menaikkan emosi pembaca. Kesemua cerita ini akan melahirkan simpati dan belas kasihan terhadap Ahli al-Bait yang akhirnya akan memancing untuk mendalami kisah dan seterusnya mengikuti ajaran Syiah.

Bekas Mufti Mesir terdahulu, Syeikh Hasanain Makhluf menjelaskan kebatilan beberapa akidah Syiah Imam 12 yang tidak pernah diperakui oleh Islam seperti kemaksuman para imam, pembatasan imam kepada Ahlul Bait yang dua belas orang, wasiat kepada Ali dengan nas yang terang, keghaiban Imam Mahdi dan lain-lain (Jama’ah min al-‘ulama’ 2011). Walau bagaimanapun, kesemua kepercayaan di atas tidak dapat diterima oleh Ahli Sunah Waljamaah kerana ajaran Islam tidak pernah mengajarkan keyakinan-keyakinan seperti tersebut, baik secara umum mahupun secara terperinci. Oleh kerana itu, bagi pandangan Ahli Sunah Waljamaah, tidak

ada orang yang ma^csum selain para nabi dan rasul. Tambahan pula, tidak ada ajaran yang menyatakan bahawa *imamah* itu hanya terbatas kepada Ahl al-Bait atau hanya terbatas dua belas imam sahaja. Menurut sejarah, Rasulullah SAW tidak pernah memberikan wasiat kepada Ali, baik dengan nas yang terang mahupun samar. Islam juga tidak mengakui istilah al-Mahdi yang ditunggu-tunggu dimana ianya diyakini oleh Syiah sedang bersembunyi dan masih hidup di bumi sampai sekarang yang akan muncul di akhir zaman.

Antara amalan bid'ah yang diamalkan oleh Syiah Imamiyah di Malaysia ialah sambutan Hari 'Asyura. ia diiktiraf sebagai syiar dan prinsip asas yang tidak mungkin diabaikan oleh Syiah. Mereka akan bergabung pada Hauzah-hauzah dan Husainiat Syiah untuk menunjukkan cinta mereka kepada Husain bin Ali RA dan memperingati peristiwa Karbala' yang tragis. Sambutan ini merupakan satu bentuk ritual yang direka dan telah lama disebar untuk memperingati dan menunjukkan kecintaan mereka dan kesedihan kepada kecelakaan yang menimpa Husain bin Ali RA saat terbunuh dengan zalim di bumi Iraq.

ii. Mazhab Ja'fari

Risalah Amman 2005 (*Amman Message 2005*) dijadikan alat penyebaran Syiah dengan menggunakan nama Mazhab Ja'fari. Berdasarkan kenyataan yang terdapat dalam Risalah Amman 2005, dapat disimpulkan seperti berikut:

- a) Kenyataan yang terkandung dalam Risalah Amman 2005 adalah bersifat politik dan bukan fatwa agama kerana mereka yang terlibat dalam pengeluaran risalah ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan bukan golongan ulama semata-mata. Risalah ini juga tidak menyertakan kajian terperinci terhadap doktrin setiap aliran yang disebutkan sebelum mengeluarkan sebarang fatwa, ini menunjukkan ia lebih bersifat politik berbanding fatwa agama.
- b) Risalah Amman 2005 hanya menghukum setiap aliran secara umum dengan mengatakan Ahli Sunnah, Ibadhiyah, Ja'fariyah dan Zaidiyah adalah Muslim. Walhal istilah "Muslim" memiliki konotasi yang pelbagai seperti Muslim yang taat, Muslim yang fasiq, Muslim yang muhtadi' (ahli bid'ah sesat) dan Muslim yang murtad. Justeru, risalah tersebut tetap mengikat kemusliman sesuatu kumpulan dengan sejauh mana penerimaannya terhadap rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara yang wajib dimaklumi dalam agama. Oleh itu, Syiah Rafidhah tidak termasuk dalam maksud risalah tersebut kerana pertentangan mereka terhadap rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara yang wajib dimaklumi dalam agama.
- c) Tiada suatu pun ayat di dalam Risalah Amman 2005 yang mengiktiraf Syiah Rafidhah sebagai sebuah mazhab yang sah, sebaliknya istilah yang digunakan adalah Mazhab Ja'fari. Ia sebenarnya merujuk kepada mazhab Imam Ja'far al-Sadiq dari sudut fiqh. Seperti yang sedia maklum, Imam Ja'far al-Sadiq adalah salah seorang imam Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang berketurunan Rasulullah SAW dan tiada kena mengena dengan Syiah Rafidhah.
- d) Syeikh al-Azhar selaku wakil ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah dalam muqaddimah yang beliau sampaikan dalam Risalah Amman 2005 telah memaktubkan, antara syarat-syarat seseorang itu digelar muslim hendaklah menghormati para sahabat r.a.h. Dalam hal ini, jelas pihak Syiah Rafidhah tidak termasuk dalam golongan yang menghormati para sahabat r.a.h kerana mereka adalah golongan yang paling keras menolak bahkan mencaci maki para sahabat r.a.h.
- e) Bukti jelas bahawa Risalah Amman 2005 tidak bermaksud kesahihan pegangan Syiah seperti yang didakwa, adalah pendirian Syeikh Yusof al-Qaradawi dan para ulama al-Azhar

yang menentang fahaman Syiah. Walaupun al-Qaradawi telah menandatangani dokumen risalah tersebut, namun beliau tetap bertegas dan lantang mengatakan Syiah termasuk dalam kumpulan bid'ah yang sesat. Begitu juga pendirian para ulama al-Azhar yang tetap bertegas dan tidak mengizinkan sebarang bentuk penyebaran Syiah di Mesir.

- f) Pengharaman Syiah di Malaysia adalah persoalan dalaman yang difatwakan berasaskan kajian ke atas *waqi'* atau realiti Syiah yang wujud di Malaysia yang terdiri daripada golongan Rafidhah. Oleh itu, sebarang fatwa atau pendirian ulama dari luar negara hanya terpakai selagi mana ia tidak bercanggah dengan mana-mana keputusan yang telah difatwakan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia.

Kesimpulannya, golongan Syiah di Malaysia cuba mengeksploitasi Risalah Amman 2005 untuk menjustifikasikan kesahihan pegangan mereka sedangkan para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah sejak sekian lama telah memasukkan mereka terdiri di kalangan kumpulan bid'ah yang sesat lagi menyesatkan berdasarkan kajian terperinci terhadap pegangan aqidah dan syariah mereka.

iii. Pembebasan al-Quds

Risalah al-Quds adalah satu sandiwara Syiah untuk mengelabui mata umat Islam kononnya Syiah merupakan golongan yang paling tegas dalam mempertahankan isu Palestin. Jika Syiah benar-benar jujur untuk memperjuangkan Palestin, perkara pertama yang perlu diperbetulkan oleh Syiah adalah mengiktiraf sahabat agung Sayidina Umar al-Khattab sebagai bapa kemerdekaan Palestin. Renungkan! Siapakah orang Islam pertama yang membebaskan Palestin setelah ia diperintah selama 12 kurun oleh kerajaan Babilon, Yunani, Parsi dan Rom? Bukankah beliau adalah Sayidina Umar al-Khattab r.a.. Beliaulah yang telah berjaya membebaskan bumi Palestin dan merebut kembali Baitul Maqdis melalui satu penyerahan terhormat yang dilakukan oleh Ketua Paderi Safraneus pada tahun ke-17H bersamaan tahun 638M. Lalu apa kata Syiah terhadap sahabat agung ini? Lihat sahaja, bagaimana ketika umat Islam berduka di atas kesyahidan Sayidina Umar di tangan Abu Lu'luah yang beragama Majusi itu. Tetapi Syiah sebaliknya merasa gembira dengan tragedi itu. Mereka menggelarkan Abu Lu'luah dengan *Baba Syuja'uddin* (Wira Agama) sebagai menghargai keberaniannya kerana membunuh Umar al-Khattab. (Dihlawi 1373h: 455)

Ali bin Muzahir al-Wasiti meriwayatkan daripada Ahmad ibn Ishaq (seorang tokoh Syiah di Qum dan dianggap telah mendapat kehormatan yang besar kerana bertemu dengan Imam Hasan al-Askari, Imam kesebelas Syiah) bahawa dia berkata, "*Hariini (hari Abu Lu'luah membunuh Sayidina Umar) adalah hari raya besar, hari kebangsaan, hari berkat dan hari hiburan*". (Dihlawi 1373H: 209). Di samping itu, iktikad Syiah memang tidak pernah mengiktiraf Masjid al-Aqsa yang terdapat di Palestin itu. Dalam buku berjudul *al-Sahih Min Sirah al-Nabiy al-A'zham* yang dikarang oleh ulama Syiah mutakhir, iaitu Ja'far Murtada al-'Amili, beliau mendakwa dengan jelas bahawa ketika Umar al-Khattab masuk ke Baitul Maqdis, tiada sebuah pun masjid di situ, lebih-lebih lagi masjid yang dinamakan al-Aqsa. (Al-'Amili 2006: 3/137). Malah beliau dengan tegas mengatakan bahawa Masjid al-Aqsa yang menjadi tempat berlakunya Isra' dan diberkati itu tempatnya adalah di langit. (Al-'Amili 2006: 3:128-129). Ulama besar Syiah ini juga telah mengarang sebuah lagi kitab khusus berkenaan isu ini berjudul *al-Masjid al-Aqsa, Ayna?* bermaksud "Masjid al-Aqsa di mana?" yang membentangkan riwayat-riwayat daripada pelbagai sumber Syiah bagi membuktikan bahawa Masjid al-Aqsa itu kedudukannya bukan di Palestin sebaliknya di atas langit. Antaranya adalah apa yang diriwayatkan oleh Abu Abdillah bahawa beliau berkata:

"Saya bertanya padanya tentang masjid-masjid yang utama, beliau berkata: al-Haram dan Masjid Nabawi. Lalu saya bertanya: Bagaimana dengan Masjid al-Aqsa, beliau menjawab

bahawa itu berada di langit ketika Nabi SAW melakukan Isra'. Lalu saya bertanya: Tetapi orang-orang berkata bahawa itu berada di Baitul Maqdis? Beliau menjawab: Masjid di Kufah lebih baik daripada itu!" (Al-Majlisi 1403H: 90/22)

Perkara ini juga disebut dalam kitab-kitab tafsir Syiah ketika mentafsirkan ayat pertama dalam surah al-Isra' seperti *Tafsir al-Safi* karangan al-Kasyani, *Tafsir Nur al-Thaqalain* karangan al-Huwaizi, *Tafsir al-'Iyashi* karangan Ibn 'Iyash, *al-Burhan fi Tafsir al-Qur'an* karangan al-Bahrani dan *Bayan al-Sa'adah* karangan al-Janabazi. Kesemua kitab ini mengemukakan tafsiran Masjid al-Aqsa itu terletak di langit bahkan di langit keempat. Manakala Masjid Kufah dikatakan lebih utama berbanding Masjid al-Aqsa yang terletak di Baitul Maqdis itu.

iv. Taqrib

Taqrib adalah penyatuan antara Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Syiah. Usaha *taqrib* pernah diusahakan oleh Syeikh Mahmud Syaltut ketika beliau menjadi Syeikh al-Azhar. Namun ianya gagal dan terbengkalai begitu sahaja. Usaha ini diikhtiarkan kembali oleh Persatuan Ulama Sedunia di bawah pimpinan Dr. Yusuf al-Qaradawi. Namun ia sesuatu yang amat mustahil. Al-Qaradawi memberi syarat isu mengutuk sahabat hendaklah diselesaikan terlebih dahulu. Tanpa penyelesaian kepada masalah tersebut, titik pertemuan sukar dicari. Mana mungkin berdialog dengan mereka yang masih mengutuk dan memfitnah Abu Bakar, Umar, Uthman, Aisyah, Hafsa, Mu'awiyah, Talhah, Zubair dan lain-lain yang merupakan para isteri dan sahabat Rasulullah SAW. Isu kedua yang dibangkitkan oleh al-Qaradawi adalah berkenaan ketidakjujuran puak Syiah. Mengapa dalam ketika Syiah begitu ghairah menuntut penyatuan dengan pihak Ahli Sunnah Waljamaah namun dalam masa yang sama terus melancarkan dakwah kepada penganut Ahli Sunnah Waljamaah? Apakah seruan *taqrib* hanya dijadikan alat untuk memudahkan mereka menyebarkan Syiah tanpa tentangan daripada pihak Ahli Sunnah Waljamaah?

Sebenarnya usaha untuk mendekatkan Ahli Sunnah Waljamaah dan Syiah diragui oleh kebanyakan ulama. Ini kerana, sejarah membuktikan inisiatif *taqrib* yang cuba dilakukan hanya menemui jalan buntu. Dr. Muhammad Imarah, seorang cendekiawan Islam Mesir beraliran sederhana yang suatu ketika dahulu pernah mendukung usaha *taqrib* juga akhirnya pasrah. Dalam makalah beliau akhir-akhir ini, usaha pendekatan Ahli Sunnah Waljamaah -Syiah dirumuskan sebagai hampir mustahil. Kegagalan ini adalah kerana sikap Syiah yang terus menerus berpegang kepada aqidah *taqiyyah* (berpura-pura dalam beriktikad). Hal ini sebagaimana yang dimuktamadkan dalam sumber-sumber utama Syiah sendiri. Dalam kitab *al-Kafi*, al-Kulaini meriwayatkan hadis palsu yang menyebut bahawa tidak beriman seseorang yang tidak melakukan *taqiyyah*. Ini amat menghairankan, bagaimana suatu kepercayaan yang dipelajari, kemudian boleh dikhianati dengan lisan sendiri. Dalam pertemuan Syeikh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad al-Tayyib dengan Presiden Iran, Mahmud Ahmadinejad, di *Masyikhatul Azhar* pada 6 Februari 2013, beliau menegaskan:

"Meskipun para ulama besar al-Azhar terdahulu pernah terlibat di dalam pelbagai muktamar penyatuan Islam antara Sunni dan Syiah untuk melenyapkan fitnah yang memecah belahkan ummah, penting saya tekankan bahawa seluruh muktamar itu ternyata hanya menyebelahi kepentingan puak Syiah (Imamiyah) dan mengorbankan kepentingan, aqidah dan simbol-simbol Ahli Sunnah, sehingga usaha taqrib itu hilang kepercayaan dan kredibilitinya seperti yang kami harapkan. Kami juga sangat menyesali celaan dan penghinaan terhadap para sahabat dan isteri Nabi SAW yang terus menerus kami dengar dari golongan Syiah, yang tentu sahaja hal itu amat ditolak oleh kami. Perkara serius lainnya yang kami tolak adalah usaha

penyusupan penyebaran Syiah di tengah-tengah masyarakat muslim di negara-negara Sunni”.

Selain itu Syeikh al-Azhar turut menyentuh keadaan penganut Ahli Sunnah di Iran yang amat memilukan. Beliau mengatakan:

“Ramai daripada mereka yang mengadukan kepada kami keadaan dan hak-hak mereka. Saya memandang, tidak boleh hak-hak warga negara didiskriminasi dan diperkecilkan seperti yang telah disepakati dalam sistem politik moden dan diatur oleh syariat Islam”.

Manakala Syeikh al-Qaradawi pula pernah mengulas pandangan gurunya Syeikh Mahmud Syaltut berkenaan usaha *taqrib* Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah, beliau mengatakan:

“Pada tahun 60-an yang lampau, Syeikh Mahmud Syaltut sebagai Syeikh Al-Azhar telah mengeluarkan fatwa yang membolehkan beribadah dengan mazhab Ja’fari. Dengan alasan di dalam perbahasan fiqhnya lebih mendekati kepada Mazhab Ahli Sunnah, kecuali ada perbezaan sedikit sahaja yang tidak menjadi alasan untuk melarang beribadah dengan mazhab Ja’fari secara keseluruhan, seperti dalam hal salat, puasa, zakat, haji dan muamalah. Akan tetapi fatwa ini tidak pernah dibukukan dalam Himpunan Fatwa Syaltut. Fatwa Syeikh Syaltut ini sebagaimana yang disebutkan tidak meliputi permasalahan aqidah dan usuluddin (pokok-pokok agama Islam) yang di dalamnya mengandungi perbezaan yang sangat jelas antara Ahli Sunnah dan Syi’ah. Contohnya dalam hal imamah, 12 imam Syiah, kemaksuman imam, pengetahuan mereka terhadap hal ghaib dan kedudukan mereka yang tidak mampu mencapainya walaupun oleh malaikat yang sangat dekat (dengan Allah SWT) dan tidak juga oleh nabi yang diutus. Mereka beranggapan bahawa masalah ini adalah masalah penting yang termasuk masalah usuluddin. Tidak sah iman dan Islam seseorang kecuali dengan mengimani masalah ini. Orang yang menolaknya dianggap kafir, akan kekal di neraka. Juga contoh lainnya, iaitu aqidah orang-orang Syiah terhadap para sahabat dan hal-hal lainnya yang mereka anggap sebagai pokok-pokok agama mereka”. (Al-Qaradawi 2009: 4/279)

Kesimpulannya, mustahil berlaku *taqrib* antara Sunni dan Syiah kerana perbezaan antara keduanya adalah melibatkan soal prinsip-prinsip agama. Sedangkan seruan Syiah untuk mengajak Sunni berlapang dada dengan mereka hanyalah sekadar senjata untuk menyusupkan ajaran mereka ke tengah-tengah penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Strategi Melawan Propaganda Syiah

i. Fatwa pengharaman Syiah

Kerajaan telah menyatakan pendirian tegas bahawa hanya aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah menjadi pegangan umat Islam di Malaysia. Mana-mana ajaran yang bercanggah dengan fahaman dan amalan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah dilarang dan disekat penyebarannya di kalangan umat Islam. Sehubungan itu, kerajaan menerusi Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 di Langkawi bersetuju beberapa perkara antaranya ialah:

- a) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
- b) Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:
- c) “Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak”.
- d) Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

Sehingga kini kesemua negeri di Malaysia telah memfatwakan pengharaman Syiah. Daripada kesemua negeri tersebut hanya Sabah dan Sarawak yang belum mewartakannya atau dalam proses pewartaan, manakala dua belas yang lain telah berbuat demikian. Negeri-negeri tersebut adalah:

- a) Wilayah Persekutuan (8 Mac 1997, PU(B)106);
- b) Selangor (24 September 1998, PU10);
- c) Negeri Sembilan (12 Mac 1998, NS.PU5);
- d) Terengganu (25 September 1997, PUN Tr.1110);
- e) Melaka (27 Julai 1997, M.PU5);
- f) Kelantan (2 Januari 1997, No. 1);
- g) Pulau Pinang (6 Januari 1997, Pg.PU1);
- h) Kedah (18 Februari 1999, No. 37);
- i) Perak (4 Januari 2012);
- j) Johor (16 Februari 2012, No. 1156);
- k) Perlis (7 Ogos 2012, No. 109); dan
- l) Pahang (12 September 2013, No. 1564)

ii. Peruntukan Undang-undang

Tindakan ke atas Syiah boleh diambil mengikut Akta/Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Sebagai contoh, berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, ajaran Syiah boleh didakwa di bawah Seksyen 13 iaitu pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Di bawah seksyen ini mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang apa-apa isu, ajaran Islam atau Hukum Syara’ yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Kementerian Dalam Negeri juga telah mengisytiharkan bahawa Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai sebuah pertubuhan menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5 (1), Akta Pertubuhan 1966 pada 24 Julai 2013 melalui Pewartaan P.U. (A) 238/2013.

Pertubuhan Syiah Malaysia merupakan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar yang telah menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan majoriti umat Islam di Malaysia yang berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan ini mencetuskan suasana keresahan dan kebimbangan di kalangan umat Islam di negara ini. Pengharaman Pertubuhan Syiah Malaysia di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 ini membawa implikasi perundangan seperti berikut:

- a) Tiada seorang pun boleh menggunakan semula nama Pertubuhan Syiah Malaysia untuk didaftarkan sebagai pertubuhan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 7(3)(b) Akta Pertubuhan 1966.
- b) Segala akaun, aset dan harta Pertubuhan Syiah Malaysia akan diserahkan dan digolongkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
- c) Tiada seseorang pun boleh memegang jawatan, menjalankan kerja sebagai seorang anggota, membenarkan sesuatu mesyuarat dalam bangunan, menghasut, mendorong, mendapatkan yuran atau bantuan, menyiar dan bertindak bagi pihak atau wakil Pertubuhan Syiah Malaysia. Mereka yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa aktiviti Pertubuhan Syiah Malaysia akan disiasat dan didakwa di Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Sebagai contoh, Seksyen 6(2) dan 6(3)[1], Seksyen 42[2] dan Seksyen 48[3] Akta Pertubuhan 1966 serta Seksyen 142 Kanun Keseksaan[4].

iii. Media Sosial

Membuat perancangan Strategik untuk mendepani ancaman Syiah melalui Media Siber dalam pelbagai platform. Di samping itu membina Website, menggunakan media alternatif khusus bagi menghadapi ancaman Syiah dengan memberi penerangan dan maklumat sahih serta menjadikannya tempat rujukan bagi umat Islam untuk mengenali dakwah Syiah dengan lebih terperinci. Begitu juga menambah penerbitan video-video berkaitan Ajaran Sesat Syiah dan disebarkan secara meluas melalui media social dan media alternatif. Selain itu menyediakan aplikasi pintar untuk akses maklumat melalui soal-jawab dan maklumat berkaitan ajaran sesat Syiah.

iv. Ceramah Umum

Memperbanyakkan program dan aktiviti untuk memberi penerangan kepada masyarakat dalam pelbagai cabang pendekatan. Di samping itu memperluaskan pemberian taklimat mengenai ancaman ajaran Syiah di masjid-masjid, surau-surau serta sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan

v. Jaringan Kerjasama

Mengadakan jaringan kerja dengan pelbagai rangkaian kerajaan dan Swasta serta orang perseorangan bagi memperluaskan dapatan data berkaitan Syiah. Begitu juga mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan bagi tujuan memberi penerangan dan taklimat berkaitan ancaman Syiah kepada guru-guru sekolah Menengah dan Rendah.

vi. Pendanaan

Mencari dana untuk meneruskan program dan aktiviti tanpa terus bergantung kepada peruntukan dari Majlis Agama Islam Kelantan. Begitu juga meneruskan pencarian dana bagi menampung program dan aktiviti yang akan digunakan oleh “Kumpulan Mendepani Syiah” secara berterusan.

vii. Kursus

Meneruskan latihan kepada ahli kumpulan secara konsisten melalui bengkel dan perjumpaan bagi memantapkan penguasaan ilmu-ilmu berkaitan ajaran Syiah secara menyeluruh. Selain itu melatih Kumpulan Mendepani Syiah yang baharu bagi menambah bakal pelapis yang mampu untuk memberi penerangan dan menghadapi ancaman berkaitan Syiah. Setiap ahli kumpulan akan menggunakan platform Media Siber untuk menghadapi ancaman Syiah dengan lebih spesifik dan

terancang. Di samping itu mengadakan bengkel dan kursus jangka masa pendek terhadap golongan sasaran mengikut peringkat di kalangan pemegang tauliah dan guru-guru Kafa.

viii. Kajian

Mengadakan kajian-kajian yang lebih fokus bagi mengenal pasti senario sebenar tahap ancaman Syiah sebelum merancang sesuatu tindakan. Begitu juga membuat kajian semula keberkesanan penubuhan “Kumpulan Mendepani Syiah” bagi memastikan ianya berkesan dan bermanfaat kepada Ummah. Di samping itu memperkasa fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia melalui kajian yang dapat menghasilkan pendekatan-pendekatan yang realistik bagi menyusun semula strategi pendekatan. Selain itu mengkaji strategi dan pendekatan golongan Syiah secara menyeluruh di setiap negeri terutamanya mereka yang telah menjawat jawatan penting di kerusi kerajaan. Lain daripada itu mengkaji tahap penglibatan pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS dengan Ajaran Sesat Syiah.

ix. Penerbitan

Menerbitkan banyak penulisan dan risalah tentang bahaya ancaman Syiah dan mendidik masyarakat bagaimana menghadapi dakyah mereka. Di samping itu membuat *book review* terhadap buku-buku Syiah untuk dimasukkan dalam website www.syiahmalaysia.com. Begitu juga memperbanyakkan penulisan berkaitan Syiah melalui pelbagai alternatif untuk disebarikan.

x. Tokoh Masyarakat

Mengkedepankan peranan Ustaz Selebriti untuk menarik Jemaah dan peserta untuk datang bagi mendengar ceramah dan taklimat berkaitan Syiah di masjid-masjid.

xi. Pemantauan

Menubuhkan unit pemantauan atau agen di seluruh Malaysia bagi mengkaji jaringan Syiah melalui gerakan mereka sebelum membuat perancangan yang lebih strategik untuk menghadapi mereka. Begitu juga menubuhkan Satu badan bertindak yang memainkan peranan bagi menangani ancaman ajaran sesat Syiah di Kelantan khususnya dan amnya di Malaysia.

KESIMPULAN

Penyebaran Mazhab Syiah di Malaysia telah menimbulkan keresahan dalam kalangan umat Islam di negara ini yang boleh dilihat dari empat sudut.

Pertamanya, perbezaan mazhab ini dari sudut amalan dan akidah dengan pegangan masyarakat Islam di negara ini yang rata-ratanya berpegang dengan Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ). Ia dikhuatiri boleh menambahkan lagi punca perselisihan faham dalam kalangan masyarakat.

Kedua, keresahan turut berasaskan kepada sifatnya bukan sekadar sebagai mazhab tetapi sebagai sebuah gerakan yang dikaitkan dengan perluasan pengaruh politik yang boleh menimbulkan masalah kepada keselamatan negara.

Ketiga, keresahan juga dikaitkan dengan krisis berdarah yang melibatkan antara Syiah dengan Ahli Sunah Waljamaah di konflik timur tengah seperti di Syria. Mereka sangat tidak berperi kemanusiaan. Sebelum ini, masyarakat mungkin hanya mendengar secara jauh tentang sikap Syiah tetapi kini mereka menyaksikannya dengan jelas sikap dan tindakan mereka.

Keempat, kenyataan terbuka penggerak Syiah di Malaysia iaitu Kamil Zuhairi (2011), bahawa penyokong Syiah di Malaysia berjumlah lebih 200 ribu orang dan perkara ini telah mengejutkan banyak pihak dan menimbulkan tanda tanya. Apakah kenyataan ini benar atau pun ia merupakan propaganda bagi menarik perhatian pihak tertentu. Sekiranya jumlah ini benar, ia sangat signifikan dan berpotensi untuk berkembang.

PENUTUP

Malaysia adalah negara berteraskan Ahli Sunah Waljamaah yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Sedangkan fahaman Islam selain daripada Ahli Sunah Waljamaah mestilah dinilai dengan panduan pihak yang berautoriti. Dapatan Kertas kerja mengenal pasti amalan Syiah yang bersalahan dengan ASWJ. Kertas kerja ini penting kerana amalan beragama dipengaruhi sejauh mana kefahaman masyarakat Islam di Malaysia terhadap fahaman akidah ASWJ. Perkara ini juga membuka ruang kepada penerimaan terhadap aliran-aliran lain yang bukan ASWJ. Rumusan Kertas kerja mendapati bahawa perkembangan Syiah menimbulkan konflik di Malaysia. Penerapan akidah yang melibatkan setiap hierarki masyarakat perlu diperkukuhkan bagi menjamin kelangsungan umat Islam di Malaysia. Semoga Kertas kerja ini memberi dan menambah input yang bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya mengenai fahaman Syiah.

RUJUKAN

- al-Husain bin Muhammad Taqiyy Nuri al-Tobarsi. T.th. *Fasl al-Khitab fi Tahrif Kitab Rab al-Arbab*. Iran: T.Penerbit.
- al-Kasyani, al-Faidh. 1407. *Minhaj al-Najah*. Beirut: al-Dar al-Islamiyyah.
- al-Khomeini, 1998. *Tahrir al Wasilah*. Kedutaan Republik Islam Iran. Damsyik.
- al-Kulaini, Mohamad Bin Yaakob. 2005. *Usul Al-Kafi*. Beirut: Darul Murtdaha.
- al-Majlisi, Muhammad Baqir. 1403. *Bihar al-Anwar*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Majlisi. T.th. *Bihar al-Anwar*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^cArabi.
- al-Mufid, Muhammad bin Muhammad. 1993. *Awail al-Maqalat*. Iran: al-Mu^ctamar al-^cAlami li Afiyyah al-Shaikh al-Mufid.
- al-Mufid, Muhammad bin Muhammad. 1993. *al-Irshad*, cet. 2. Beirut: Dar al-Mufid.
- al-Qommi, Abbas Bin Muhammad bin Ridha. 2011. *Muntaha al-Amal fi Tawarikh al-Nabi Wal Al*. Tehran: Darul Mustafa al-Alamiyyah Li Tiba'ah Wa Al-Nasyr.
- al-Quran.
- al-Saduq. T.th. *al-Tauhid*. Beirut: Dar al-Ma^crifah.
- al-Salus, Ali. 2003, *Ma'a al-Ithnay 'Asyriyyah Fi al Usul Wal Furu'*, Dar al-Faisaliah Riyadh.
- al-Sayyid Murtada al-Radawi. 2005. *al-Burhan 'ala 'Adami Tahrif al-Quran*. Beirut: Dar al-Amira.
- al-Tunasawi, Muhammad Abdul Sattar. 1408H. *Butlan Aqaid al-Syiah*. Mekah: Al-Maktabah Al-Imdadiah.
- al-Tusi, Muhammad bin al-Hasan. 1407H. *Tahzib al-Ahkam*. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Harian Metro*. 2010. 17 Disember.
- Harian Metro*. 2010. 19 Disember.
- Hurr Amili, Muhammad bin Hasan. 1409H. *Wasa'il al-Shi'ah*. Qom: Mu'assasah Al al-Bayt. Jama'ah. 2011. *Fatawa Kibar Ulama al-Azhar al-Sharif fi al-Syiah*. Kaherah: Dar al-Yusr.
- Kamaluddin Nurdin. 2014. *Adakah Kawanku Syiah?*. Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Lutpi Ibrahim. 1993. *Minhaj Kebenaran dan Pendedahan (Fiqh Lima Mazhab di Antara Nas dan Ijtihad)*. Bandung: al-Wahdah Publication.
- Mohd Haidhar bin Kamarzaman. 2011. *Syiah di Selangor*. Tesis Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM.